

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS
[SEPANGGAR]**

NO. SOALAN : 25

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah status permohonan bagi pembinaan jalan luar bandar di kawasan Talungan Natai Tampulan dan Jalan Kiambang Babagon Tokim Kolosunan dapat dilaksanakan yang mana telah dibawa di dalam mesyuarat persidangan Parlimen pada tahun lalu dan juga awal tahun ini.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, kedua-dua cadangan Projek Jalan Natai - Tampulan, Kota Kinabalu, Sabah dan Projek Jalan Kiambalang - Babagon Toki, Inanam, Kota Kinabalu, Sabah telah tersenarai dalam permohonan dari Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, kedua-dua projek masih belum tersenarai di bawah kelulusan bagi pelaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RP3, RMKe-11). Kementerian akan mengangkat semula kepada pihak Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), *Rolling Plan* akan datang. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak UPE, JPM dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.